

BAB KEEMPAT

BAB KEEMPAT

HUBUNGAN DI ANTARA ISM AL-FĀ'IL DAN AL-FI'L AL-MUḌĀRI'

4.0 Pendahuluan

I.F mempunyai hubungan dengan *F.M* dari sudut makna, walaupun jelas lafaz kedua-duanya berbeza, tetapi ia kadang kala boleh digunakan salah satu dari kedua-dua lafaz tersebut bagi menggantikan salah satunya.

Di dalam bab ini akan dikaji sejauh mana kesesuaian *I.F* untuk menggantikan *F.M*. Sekiranya terdapat kesesuaian makna pada kedua-dua lafaz pula, sejauh manakah kesan yang terdapat pada hubungan kedua-duanya. Penulis bukan sahaja akan mengkaji hubungan kedua-dua lafaz tersebut di dalam kaedah-kaedah bahasa, malahan perbezaan kedua-duanya di dalam al-Quran kerana terdapat beberapa contoh tersebut yang memang sudah tentu terdapat beberapa hikmah di dalam persamaan dan perbezaan tersebut.

Di dalam kajian ini juga akan dinyatakan hubungan *I.F* dengan kata kerja secara umumnya, kemudian barulah dilihat hubungannya dengan *F.M* secara khusus. Beberapa contoh ayat-ayat al-Quran yang berkaitan akan dibincangkan di dalam bab ini.

4.1 Ism al-Fā'il Yang Berfungsi Sebagai Kata Kerja .

Di dalam ilmu nahu ulama telah menerangkan kaedah-kaedah untuk menjadikan *I.F* berfungsi sebagai kata kerja. Fungsi yang dimaksudkan di sini ialah *merafa'kan fā'il* (kata pelaku) dan *menasabkan maf'ūl*(objek). Terdapat 2 bahagian kaedah-kaedah tersebut iaitu ;

- 1- *I.F* yang bercantum dengan *أَلْ*.
- 2- *I.F* yang tidak bercantum dengan *أَلْ*.

4.1.1 Ism al-Fā'il Yang Bercantum Dengan "أَلْ"

Apabila *I.F* dicantumkan dengan "أَلْ" ia akan berfungsi atau beramal seperti kata kerja secara mutlak, iaitu tanpa terikat dengan sebarang syarat kerana "أَلْ" adalah *huruf mauṣūl* dan *I.F* adalah *ṣilat al-mauṣūl*, sebagaimana di dalam kaedah bahawa setiap *ism mauṣūl* seperti "الَّذِي ، مَا" mempunyai *ṣilat al-mauṣūl*, iaitu penghubung *ism* tersebut sebagai pelengkap kata. Jadi di dalam situasi ini, *I.F* boleh beramal atau berfungsi sebagai kata kerja *māḍī* (perbuatan yang berlaku pada waktu yang lalu) , *ḥāl* (masa yang sedang berlaku) atau *istiqbāl* (masa yang akan datang) atau boleh juga dikatakan ia mempunyai hubungan makna dengan *al-fi'l al-māḍī* atau *al-fi'l al-muḍāri'* seperti contoh berikut ;

هَذَا الضَّارِبُ زَيْدًا أَمْسَ \ الْآنَ \ غَدًا

Ertinya : " Inilah orang yang memukul Zaid semalam / sekarang / esok".¹

Terdapat juga pendapat yang menyatakan *I.F* yang menjadi *ṣilat al-mauṣūl* "أَلْ" tidak berfungsi melainkan untuk masa yang telah lalu seperti pendapat al-Rummānīy, dan ada yang menyatakan ia tidak berfungsi sama sekali kerana *maḥwūl* selepas *I.F* itu dinasabkan

¹ Lihat Ibn 'Aqīl. Syarh Ibn 'Aqīl. 1990. Jilid 2. m.s 104.

oleh kata kerja yang *diiḍmārkan*, iaitu yang disembunyikan dan tidak dilafazkan.¹ Kata kerja yang *diiḍmārkan* itu ialah *F.M* yang *ditaqḍīrkan* (diandaikan), iaitu ;

الَّذِي يَضْرِبُ

Ertinya : "Yang memukul"

Jadi yang *menaṣabkan maf'ūl* itu ialah *F.M* " يَضْرِبُ " yang *ditaqḍīrkan*.

Dalam contoh yang lalu *I.F* juga berfungsi seperti kata kerja, iaitu *meraḥa'kan fāi'l*, iaitu *ḍamīr mustatīr* (ganti nama ketiga) " هُوَ " (dia) dan *menaṣabkan maf'ūl bih*(objek) " زَيْدًا ". Perkataan " أَفْ لُ " pula adalah *hurūf mauṣūl* manakala " ضَارِبٌ " adalah *ṣilat al-mauṣūl*.

Di dalam al-Quran terdapat contoh mengenai penggunaan *I.F* yang bercantum dengan " أَف لُ " sebagaimana di dalam firman Allah di dalam surah al-Aḥzāb ayat 35 ;

﴿ وَالْحَافِظِينَ فُرُوجَهُمْ وَالْحَافِظَاتِ وَالذَّاكِرِينَ اللَّهَ كَثِيرًا وَالذَّاكِرَاتِ ﴾

Ertinya : "Lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang memelihara kehormatannya dan lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang banyak menyebut nama Allah".²

Kesemua lafaz *I.F* di dalam ayat yang lalu, iaitu :

" الْحَافِظِينَ - الْحَافِظَاتِ - الذَّاكِرِينَ - الذَّاكِرَاتِ "

berfungsi sebagai kata kerja kerana ia *menaṣabkan maf'ūl* iaitu; " فُرُوجَهُمْ " dan

¹ Ibid.

² Aḥmad Bin Qāsim al-'Abbādīy, *Risālat fi Ism al-Fā'il*. 1983, m.s 62.

﴿ أَفَرَأَيْتُمْ مَا تَحْرُثُونَ ﴾ أَلَمْ تَرَوْا أَنَّكُمْ تَبْرَعُونَ أَمْ تَحْنُ الْزَّارِعُونَ ﴿

Ertinya : "Maka terangkanlah kepada Ku tentang yang kamu tanam. Kamukah yang menumbuhkannya atau Kami yang menumbuhkannya".

Lafaz *I.F* " الزَّارِعُونَ " di dalam ayat yang lalu bercantum dengan " أَلْ " *maṣūl* dan ia berfungsi seperti kata kerja yang menunjukkan perbuatan yang berlaku pada masa yang telah lalu, kini dan akan berlaku. Oleh itu lafaz-lafaz *I.F* pada contoh-contoh yang lepas memberi maksud *thubūt* (tetap) dan *istimrār* (berterusan). Hal ini sudah tentu berbeza dengan kata kerja seperti *F.M*; " تَخْلُقُونَ " dan " تَزْرَعُونَ " yang menunjukkan kepada perbuatan yang berlaku sama ada pada waktu kini dan akan datang sebagaimana yang dibincangkan dalam bab lalu (bab ketiga). *F.M* juga menunjukkan kepada perbuatan yang bersifat *tajaddud* (yang sentiasa diperbaharui). Oleh itu perkataan *F.M* adalah sesuai di dalam ayat – ayat tersebut kerana perbuatan mencipta dan menumbuhkan adalah perbuatan yang tidak tetap malahan dari segi hakikatnya mereka memang tidak mampu untuk melakukannya. Penulis berpendapat lafaz *F.M* sesuai digunakan oleh Allah di dalam ayat yang lalu kerana terdapat hikmah di sebaliknya. Hikmah penggunaan pola *I.F* ialah untuk mengukuhkan lagi hujah dan menetapkan bahawa sifat Allah itu adalah tetap dan berterusan seperti yang terdapat di dalam ayat-ayat yang lalu, iaitu sifat mencipta dan menumbuhkan tumbuh-tumbuhan. Sifat-sifat tersebut tidak ada pada manusia kerana mereka adalah makhluk yang lemah dan mereka pula dicipta oleh Allah serta memerlukan kepada pertolongannya sedangkan Allah tidak memerlukan pertolongan

makhluknya. Apabila dilihat definisi *F.M* lebih terang dan jelas kenapa lafaz kata kerja tersebut dipilih oleh Allah untuk bertanya kepada manusia :

"أَأَنْتُمْ تَخْلُقُونَهُ ؟"

Ertinya "Adakah kamu menciptakannya?".

"أَأَنْتُمْ تَزْرَعُونَهُ ؟"

Ertinya : "Adakah kamu yang menumbuhkannya ?".

F.M menunjukkan kepada perbuatan yang berlaku ketika masa berkata atau selepasnya tanpa dimasukkan sesuatu partikel seperti partikel "لَمْ". Apabila partikel tersebut masuk kepada *F.M* maka ia akan berubah kepada masa yang lalu.¹ Kaitan konsep ini dengan penggunaan *F.M* dalam ayat yang lalu, menunjukkan kelemahan manusia untuk melakukan perbuatan mencipta dan menumbuh kerana *F.M* adalah perbuatan yang berlaku ketika waktu ia dituturkan atau selepasnya. Ini mungkin tidak akan terjadi kerana ia akan berlaku selepas waktu perbuatan itu dituturkan, seperti contoh seseorang berkata :

"أَذْهَبُ الْآنَ"

Ertinya : "Saya pergi sekarang".

Perbuatan pergi tersebut akan dilakukan oleh penutur sebaik sahaja ia habis menuturkannya. Kebiasannya *F.M* digunakan untuk sesuatu perkara yang belum berlaku kerana mengikut turutan, ia berasal dari tiada, berbeza dengan kata kerja *māḍī* kerana ia telah berlaku. Setiap sesuatu bermula dari tiada kemudian ia wujud. Oleh demikian itu

¹ Lihat Sa'id Muhammad 'Abd al-Majīd. *Al-Ṣarf al-'Arabī al-Syāmīl min Khilāl al-Qur'an al-Karīm*. 2000. m.s 149.

F.M biasanya digunakan untuk menafikan kewujudan sesuatu perbuatan kerana apabila orang Arab menafikan sesuatu perbuatan yang berlaku pada masa lalu mereka menggunakan lafaz " لَمْ " (tidak) dan *F.M* seperti ;

لَمْ يَقُمْ زَيْدٌ

Ertinya : "*Tidak berdiri Zaid*"¹

Partikal " لَمْ " digunakan untuk menafikan sesuatu perbuatan pada masa yang telah lalu dan ia hanya boleh digunakan bersama *F.M* sahaja. Ini bererti *F.M* dalam keadaan ini adalah *mudā'iri* ' dari segi lafaz dan *māḍi* ' dari segi makna. Orang Arab tidak menggunakan lafaz kata kerja *māḍi* '. Ini menunjukkan bahawa *F.M* adalah perbuatan yang menunjukkan ia mungkin tidak berlaku.

4.1.2 Ism al-Fā'il Yang Tidak Bercantum Dengan " أَن "

Sekiranya *I.F* tidak bercantum dengan " أَن " dan ia bertanwin maka ia berfungsi sebagai kata kerja dengan 2 syarat ;

- 1- Ia mestilah menunjukkan sesuatu perbuatan atau kejadian itu berlaku pada masa kini atau pada masa hadapan. Maka ketika itu ia berfungsi seperti kata kerja, iaitu *merafa'kan fa'il* (pelaku) dan *menasabkan maf'ul* (objek). Contohnya ialah :

أَنَا ضَارِبٌ زَيْدًا الْآنَ \ غَدًا

Ertinya : "*Saya memukul Zaid sekarang/ esok*".²

¹ Lihat 'Abd al-Qādir Ḥusayn. *Fan al-Balāghat*. 1984. m.s 295.

Di dalam al-Quran terdapat juga contoh – contoh yang sama seperti Firman Allah dalam surah al-Baqarat, ayat 30 ;

﴿ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ﴾

Ertinya : “*Sesungguhnya Aku hendak menjadikan khalifah di atas muka bumi*”.

Allah menggunakan lafaz *I.F* " جَاعِلٌ " yang merafa'kan damīr mustatīr (ganti nama ketiga) yang dianggapkan sebagai " هُوَ " dan menasabkan maf'ūl bih(objek), iaitu perkataan " خَلِيفَةً ". Oleh itu lafaz *I.F* yang lalu berfungsi sebagai *F.M* iaitu kata kerja yang menunjukkan kepada perbuatan yang berlaku pada masa kini dan akan datang. Perkataan *I.F* ini juga berfungsi sebagai *F.M* kerana para malaikat ketika mendengar kenyataan Allah lalu berkata ;

﴿ أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَ يَسْفِكُ الدِّمَاءَ ﴾

Ertinya : “*....Apakah Engkau [Allah] akan menjadikan di atas muka bumi orang yang melakukan kerosakan dan pertumpahan darah?*”.

Para Malaikat di dalam ayat yang lalu menggunakan lafaz *F.M*, iaitu " تَجْعَلُ " ini menunjukkan bahawa perkataan " جَاعِلٌ " menunjukkan perbuatan yang akan berlaku pada masa yang akan datang. Oleh itu, bolehlah diandaikan bahawa lafaz " جَاعِلٌ "

² Bahā' al-Dīn al-Hamdānīy. Syarḥ Ibn 'Aqīl. 1990. Jilid 2.m.s 100.

tersebut bersamaan dengan lafaz " أَجْعَلْ ". Firman Allah lagi di dalam surah al-Baqarat, ayat 72 :

﴿ وَاللَّهُ مُخْرِجٌ مَا كُتُمُونَ ﴾

Ertinya : "Dan Allah hendak menyingkap apa yang selama ini kamu sembunyikan".

Lafaz yang diungkapkan oleh Allah dalam ayat yang lalu ialah *I.F* " مُخْرِجٌ " yang bersamaan maksudnya dengan *F.M* " يُخْرِجُ " dan berfungsi sama seperti *F.M*. Kedua-dua ayat yang lalu menceritakan peristiwa yang lalu tetapi kedua-dua ungkapan *I.F* tersebut diucapkan ketika itu.¹

Apabila *I.F* itu menunjukkan kepada perbuatan yang berlaku pada masa yang lalu maka ia tidak bertanwīn dan *menaṣabkan maf'ūl*, tetapi *maf'ūl* yang selepasnya itu berbaris bawah seperti contoh berikut;

هَذَا ضَارِبٌ زَيْدٍ أَنَسٍ

Ertinya : "Ini [orang] yang memukul Zaid semalam".

Perkataan *I.F* di dalam contoh yang lepas tidak *menaṣabkan* kata nama " زَيْدٌ " tetapi ia berbaris bawah. Ini bererti perkataan tersebut adalah *maf'ūl* dari segi makna bukan lafaz.² Terdapat juga sebahagian ulama seperti Al-Kisā'iy, Ibn Maḍā', Ibn Hishām dan Aḥmad bin Qāsim al-'Abbādīy berpendapat bahawa *I.F* yang bertanwīn, tidak bercantum dengan

¹ Lihat Muḥammad al-Amīn al-Syanqitīy. *Aḍwā' al-bayān*. 1996. Jilid 4, m.s 34.

² Baha' al-Dīn al-Hamdāniy. *Syarḥ Ibn 'Aqīl*. 1990. Jilid 2, m.s 100.

" *أَل* " dan *menasabkan maf'ūl* boleh juga berfungsi sebagai kata kerja yang menunjukkan perbuatan yang berlaku pada masa yang lalu.¹ Mereka berhujjah dengan firman Allah dalam surah al-Kahfi, ayat 18 :

﴿ وَكَلَّهِمْ بَاسِطٌ ذِرَاعَيْهِ بِالْوَصِيدِ ﴾

Ertinya : "*Dan sedangkan anjing mereka melunjurkan
dua lengannya di depan pintu gua*".

Mereka berhujah bahawa perkataan " *بَاسِطٌ* " dalam ayat yang lalu menunjukkan perbuatan itu berlaku pada masa lalu kerana kisah tersebut, iaitu kisah persembunyian *Ashāb al-kahfi* berlaku pada zaman sebelum ayat itu turun kepada Rasulullah dan orang-orang yang diceritakan kisah mereka pun sudah meninggal dunia pada masa yang lampau. Jumhur ulama tetap menolak hujjah mereka kerana di dalam ayat yang lalu walaupun peristiwa persembunyian pemuda-pemuda yang disebut sebagai *Ashāb al-kahfi* itu berlaku pada waktu yang lalu, tetapi perbuatan anjing yang melunjurkan lengannya itu berlaku pada ketika itu. Oleh itu, perkataan " *بَاسِطٌ* " tidak bercantum dengan " *أَل* " kerana ia tidak menunjukkan perbuatan itu telah berlaku.

¹ Muhyiddin 'Abd al-Hamid. Muntaha al-Arb Tahqiq Syudhūr al-Dhahab li Ibn Hishām. 1992.m.s 362, Muhammad bin Ahmad bin 'Abd al-Bariy al-Ahdal. Al-Kawākib al-Durriyyat. 1990.Jilid 2.m.s 596, Bahā' al-Dīn al-Hamdaniy al-Masriy. Syarh Ibn 'Aqil. 1990. Jilid 2 m.s 100(tetapi tidak disebut nama Ibn Hishām), Ibn Hishām. Awḍāḥ al-Masālik. 1989. Jilid 3.m.s 162 dan Ahmad bin Qāsim al-'Abbādiy. 1983. m.s 64.

Jumhur ulama berpendapat bahawa mana- mana *I.F* yang tidak bercantum dengan " أَفْ " tidak akan berfungsi sebagai *I.F* yang memberi pengertian sesuatu perbuatan itu berlaku pada masa lalu.. Terdapat juga ulama yang berpendapat bahawa *I.F* yang tidak bercantum dengan " أَفْ " boleh berfungsi sebagai *I.F* yang menunjukkan perbuatan yang berlaku pada masa lalu¹. Jumhur ulama juga berhujjah bahawa sebelum perkataan " كَلْبُهُمْ " terdapat partikel " وَ " yang berfungsi sebagai *wāw al-hāl* (yang digunakan untuk membawa maksud "sedangkan atau sambil"). Oleh itu perkataan " بَاسِطٌ " sesuai juga digantikan dengan *F.M* " يَسِطُ " kerana pengertiannya tetap sama. Mereka juga berhujjah bahawa sebelum ayat " وَ كَلْبُهُمْ بَاسِطٌ ذِرَاعَيْهِ بِالْوَصِيدِ " Allah menyebut ;

﴿ وَ تُقَلِّبُهُمْ ذَاتَ الْيَمِينِ وَ ذَاتَ الشِّمَالِ ﴾

Ertinya "Dan Kami balik-balikkan mereka ke kanan dan ke kiri".

Perkataan " تُقَلِّبُهُمْ " adalah *F.M* dan ia adalah kata kerja yang menunjukkan sesuatu perbuatan itu berlaku pada masa kini dan masa hadapan. Allah tidak menggunakan perkataan *fi'l māḍī* iaitu " قَلَّبْنَاهُمْ " ².

¹ Lihat Ibn Hishām. Syudhūr al-Dhahab .1992.m.s 362, dan Tafsir al-Qurtubīy .Abu 'Abdullah al-Qurtubīy .1994.jilid 5 .m.s 334.

² Sila lihat Qutr al-Nadā .Ibn Hishām al-Anṣārīy .1994 .m.s 448 dan Awdāḥ al-masālik .Ibn Hishām .1989.jilid 3 .m.s 163.

Berdasarkan kepada hujah-hujah jumhur ulama, Penulis berpendapat hujah-hujah mereka adalah bernas. *Qarīnat ḥāliyat* (konteks tunjuk) perlu diambil kira di dalam hal ini. Penggunaan *F.M* dan *Wāw al-ḥāl* berfungsi sebagai *qarīnat ḥāliyat* di dalam ayat tersebut dan ini mengukuhkan lagi hujah bahawa peristiwa itu sedang berlaku. Penulis juga ingin menegaskan bahawa tidak kesemuanya *I.F* yang tidak bertanwin dan kata nama selepasnya bercantum dengan "أل" dan berbaris bawah memberi maksud perbuatan yang sudah berlaku, melainkan ia mestilah melihat terlebih dahulu *qarīnat ḥāliyat* dalam memahami konteks ayat seperti firman Allah dalam surah Ali 'Imrān, ayat 185 ;

﴿ كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ ﴾

Ertinya : "Setiap jiwa (pasti)merasai mati".

Perkataan *I.F* dan kata nama yang selepasnya " ذَائِقَةُ الْمَوْتِ " di dalam ayat yang lalu bukan memberi maksud perbuatan atau kejadian yang telah berlaku, sebagaimana mengikut kaedah yang lalu. Maksud "merasai mati" di dalam ayat tersebut ialah kejadian yang telah berlaku, sedang dan akan berlaku kerana kematian secara realitinya berlaku bila-bila masa' dan setiap jiwa ada yang telah mati, sedang dan akan mati. Terdapat juga ulama yang berpendapat bahawa *I.F diidāfatkan*¹ semata-mata untuk menunjukkan kepada perbuatan atau kejadian yang berlaku pada waktu yang telah lalu atau kini dan akan datang seperti ;

أَنَا ضَارِبٌ زَيْدٍ

¹ Gabungan antara dua kata nama atau kata nama dengan kata ganti nama seperti بَيْتٌ مُحَمَّدٌ ، بَيْتُهُ

Ertinya : "Saya (telah)memukul Zaid.

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ

Ertinya : "Setiap jiwa(sedang atau akan) merasai mati".¹

- 2- Ia mestilah didahului oleh perkataan *nāfi* atau *istifhām* (kata tanya) dan ia mesti menjadi *khavar* (prediket) atau *na't*.

Setiap *I.F* yang berfungsi sebagai kata kerja yang menunjukkan masa kini atau masa hadapan hendaklah didahului dengan perkataan *nāfi* sama ada dalam bentuk *hurūf* (partikel), *ism* atau *fi'l* seperti ;

مَا ضَارِبٌ زَيْدًا الْآنَ \ غَدًا

Ertinya ; "Dia tidak memukul Zaid sekarang / esok".

غَيْرُ ضَارِبٍ زَيْدًا الْآنَ \ غَدًا

Ertinya ; "Dia tidak memukul Zaid sekarang / esok".

لَيْسَ ضَارِبٍ زَيْدًا الْآنَ \ غَدًا

Ertinya ; "Dia tidak memukul Zaid sekarang / esok".

Begitu juga sekiranya ia didahului dengan *istifhām* (kata Tanya) sama ada dalam bentuk *harf* (partikel) atau *ism* (kata nama), seperti ;

¹ Ahmad bin Qāsim al-Baghdādīy. Risālat Ism al-Fā'il. 1983. m.s 64 dan 65.

أَضَارِبُ زَيْدٍ عَمْرًا الْآنَ أَوْ غَدًا ؟

Ertinya " Adakah Zaid memukul Amru sekarang / esok? ".

كَيْفَ ضَارِبُ زَيْدٍ عَمْرًا الْآنَ أَوْ غَدًا؟

Ertinya "Bagaimana Zaid memukul Amru sekarang / esok?".

Di dalam syarat ini tidak semestinya perkataan *nāfi* dan *istifhām* mesti dilafazkan malahan boleh *ditaqdīrkannya* (diandaikan) seperti ;

مُهَيِّنُ عَمْرٍ زَيْدًا أَمْ مُكْرِمُهُ؟

Ertinya ; "Amru mengghina Zaid atau dia memuliakannya?

Maksud ayat di atas ialah adakah Amru mengghina Zaid atau memuliakannya. Ayat ini tidak menggunakan lafaz *istifhām* secara sebutan tetapi secara *taqdīr* (andaian) iaitu ; " أَمْهَيِّنُ عَمْرٍ زَيْدًا أَمْ مُكْرِمُهُ ؟ "

Begitu juga sekiranya *I.F* menjadi *khavar* (prediket) seperti;

زَيْدٌ ضَارِبٌ عَمْرًا الْآنَ \ غَدًا

Ertinya "Zaid memukul Amru sekarang / esok"

I.F juga boleh menjadi kata sifat sama ada :

1- Pada lafaz seperti ;

جَاءَ رَجُلٌ ضَارِبٌ عَمْرًا الْآنَ \ غَدًا

Ertinya " Telah datang seorang lelaki yang memukul Amru sekarang / esok".

2- Pada makna seperti ;

جَاءَ نِي زَيْدٌ رَاكِبًا حَمَلًا

Ertinya " Telah datang kepada saya Zaid yang sedang menunggang
unta".

Perkataan " ضَارِبٌ " dalam contoh pertama menjadi *ṣifāt* bagi
perkataan " رَجُلٌ " secara lafaz kerana ia *marfū'* mengikut perkataan
mauṣūf (yang disifatkan) sebelumnya. Manakala perkataan " رَاكِبًا " dalam
contoh yang kedua adalah *ḥāl* (sifat yang menerangkan keadaan *fā'il* ,
maf'ūl bih dan sebagainya). Oleh itu, walaupun ia bukanlah sifat secara
langsung seperti contoh pertama dari segi lafaz tetapi bermakna *ṣifāt*
secara tidak langsung.

Al-Akhfasy tidak meletakkan syarat-syarat yang lalu untuk menjadikan *I.F*
beramal atau berfungsi sebagai kata kerja. Beliau berhujah dengan serangkap sajak yang
diungkapkan oleh seorang dari qabilah *Tayyī'* (tidak dikenali namanya) ;

حَبِيرٌ بَنُو لِهَبٍ فَلَا تَكُنْ مُلَغِيَا # مَقَالَةٌ لِهَبِي إِذَا الطَّيْرُ مَرَّتْ

Ertinya : " Banu Lihbin berpengalaman(dalam menyergah dan
menengking) maka jangan engkau abaikan kata seseorang dari mereka
bila lalu seekor burung".

Beliau berhujah bahawa perkataan "بُئِرَ لَهُبٌ" adalah *fā'il* (pelaku) bagi "خَبِيرٌ" dan ia tidak tertakluk kepada syarat-syarat yang lepas.

Jumhur ulama menolak hujah al-Akhfasy dengan alasan "بُئِرَ لَهُبٌ" adalah *subjek* dan "خَبِيرٌ" adalah *prediket* yang didahulukan daripada *subjek*. Al-Akhfasy menolak hujah jumhur kerana *prediket* di dalam sajak tersebut adalah *mufrad* sedangkan *subjeknya* pula *jama'*. Walau bagaimanapun, jumhur ulama tetap menolak hujah al-Akhfasy kerana harus diletakkan bagi *subjek* yang *jama'* dengan *predikat* yang *mufrad*. Mereka telah mengambil dalil dari sepotong ayat al-Quran di dalam surah al-Tahrim : 4.¹

﴿وَالْمَلَائِكَةُ بَعْدَ ذَلِكَ ظَهِيرٌ﴾

Ertinya ; "Dan para malaikat selepas itu pula adalah penolong-penolong (mereka)".

Pendapat jumhur ulama adalah kuat kerana perkataan "خَبِيرٌ" boleh digunakan untuk *mudhakkar*, *mu'annath*, *mufrad*, *muthannā* dan *jama'* kerana ia mempunyai pola yang bersamaan dengan pola *maṣdar* (kata sumber) seperti perkataan "ذَمِيلٌ" (berjalan laju) dan "صَهِيلٌ" (bunyi suara kuda). *Maṣdar* boleh menjadi *predikat* untuk *subjek* yang berbentuk *mufrad*, *muthannā* dan *jama'* dengan menggunakan satu lafaz seperti contoh berikut ;

مُحَمَّدٌ عَدْلٌ - الْمُحَمَّدَانِ عَدْلٌ - الْمُحَمَّدُونَ عَدْلٌ

¹ Lihat : Qatr al-Nadā. Ibn Hishām. 1994. m.s 450-452, Syarḥ Ibn 'Aqīl. Bahā' al-Dīn 'Abdullah al-Hamdānīy al-Miṣrīy. 1990. Jilid 1. m.s 183 dan Awdāḥ al-Maṣālik. Ibn Hishām. 1989. Jilid 1. m.s 155.

Ertinya ; “Muhammad seorang yang adil- Dua orang Muhammad ini adil-

Muhammad-Muhammad ini adil”.

Kebiasaannya orang-orang Arab mengambil sesuatu yang serupa untuk dihukumkan dengannya hukum yang sama.¹

Pendapat jumhur juga bersamaan dengan pendapat seorang ahli tafsir seperti al-Qurtubīy yang menyatakan bahawa perkataan " ظَهَرَ " dalam ayat yang keempat dari surah al-Tahrīm itu adalah *prediket* yang bermakna *jama'*.²

Kesimpulan dari perbahasan yang lalu ialah *I.F* mempunyai dua keadaan, iaitu :

1- Apabila ia bercantum dengan " ج ف " *mausul* dan *I.F* berfungsi sebagai *ṣilāṭ*nya.

Dalam keadaan ini ia berfungsi dengan tanpa syarat sama ada ia menunjukkan kepada masa yang lalu, kini dan masa hadapan.

2- Apabila *I.F* tidak bercantum dengan " ج ف " maka ia berfungsi dengan dua syarat, iaitu

:

a). Ia mesti didahului dengan *nāfi* atau *istifhām* dan ia mesti menjadi *prediket* atau *ṣifat*.

b). Ia tidak menunjukkan kepada masa yang lalu.

Walaupun *I.F* ini boleh berfungsi seperti kata kerja, tetapi ia juga boleh disandarkan kepada perkataan selepasnya. Persoalannya ialah yang mana lebih utama ?.

I.F yang tidak bercantum dengan " ج ف " harus *diidāfātkan* kepada *maf'ūl*

¹ . Muḥyiddīn ‘abd al-Ḥamīd. *Minḥaṭ al-Jalīl bi tahqīq syarḥ Ibn ‘Aqīl* 1990. Jilid 1.m.s184.

² Lihat Al-Imām al-Qurtubīy. *Tafsīr al-Qurtubīy* 1994. Jilid 9 Juzuk 18.m.s 177.

sekiranya ia disebutkan seperti di dalam surah al-Mā'idah ayat 95 :

" هَدْيًا بَالِغُ الْكَعْبَةِ "

Ertinya : "Sebagai sembelihan korban orang yang sampai ke Ka'bah".

Diharuskan menyebut " هَدْيًا بَالِغُ الْكَعْبَةِ ". Sekiranya *maf'ūl* itu *ḍamīr* (gantinama)

maka ia wajib *diidāfatkan* kepadanya seperti :

هَذَا مُكْرِمُكَ ، هَذَا مُكْرِمُكَ ، هُمْ مُكْرِمُونَ

Ertinya : "Ini orang yang memuliakan awak, Inilah dua orang yang memuliakan awak dan Inilah mereka yang memuliakan awak".

Sibawayh dan beberapa ulama yang lain berpendapat gantinama dalam contoh-contoh yang lepas berada pada tempat *jarr* kerana *idāfat* dan ini adalah pendapat yang *afṣah*.¹

Terdapat perbezaan pendapat dalam menentukan baris perkataan yang lebih baik digunakan selepas *I.F.* Ada pendapat yang menyatakan lebih utama dibariskan dengan baris atas kerana itu adalah asal sebagaimana pendapat Ibn Hishām. Adapun Abū Ḥayyān berpendapat lebih utama dibariskan dengan baris bawah seperti bacaan dalam ayat 65 surah al-Talāq :

" إِنَّ اللَّهَ بَالِغُ أَمْرِهِ "

Ertinya ; "Sesungguhnya Allah menyampaikan perintahnya".

Terdapat 2 jenis bacaan pada ayat " بَالِغُ أَمْرِهِ " iaitu sama ada perkataan " بَالِغُ "

¹ Ibid .m.s 597

bertanwīn dan "أَمْرُهُ" berbaris atas atau "بَالِغٌ" tidak bertanwīn dan "أَمْرِدٌ" berbaris

bawah.¹

Sekiranya terdapat *maf'ūl* yang lain ia lebih utama dinaşabkan seperti;

أَنْتَ كَاسٍ زَيْدًا ثَوْبًا آلَانَ / غَدًا

Ertinya : "Awak memakaikan Zaid pakaian sekarang / esok".

4.2 Hubungan Ism al-Fā'il Dan al-Fi'l al-Muḍāri' Dari Segi Makna.

I.F mempunyai persamaan dengan *F.M* dari segi bentuk, iaitu ḥarakāt dan sukūn sebagaimana yang telah dibincangkan di dalam bab kedua. Selain itu, kedua-duanya juga mempunyai hubungan makna.

Di dalam ayat al-Quran terdapat contoh tersebut yang telah dibahaskan oleh ulama. Di dalam surah al-Baqaraṭ ayat 14-15 :

﴿ وَإِذَا لَقُوا الَّذِينَ آمَنُوا قَالُوا آمَنَّا وَإِذَا خَلَوْا إِلَىٰ شَيَاطِينِهِمْ قَالُوا إِنَّا مَعَكُمْ إِنَّمَا نَحْنُ

مُسْتَهْزِءُونَ ۖ اللَّهُ يُسْتَهْزِءُ بِهِمْ وَيُمْلِكُهُمْ فِي طُعْيَانِهِمْ يَعْمَهُونَ ۝﴾

Ertinya "Dan bila mereka bertemu dengan orang-orang yang beriman, mereka mengatakan "kami telah beriman". Dan bila mereka kembali kepada syaitan-syaitan mereka, mereka mengatakan ; "sesungguhnya kami sependirian dengan kamu, kami hanyalah berolok-olok". Allah akan (membalas)olok-olokan mereka dan membiarkan mereka terumbang-ambing dalam kesesatan mereka".

¹ Ibn Hishām. Qaṭr al-Nadā 1994 .m.s 597.

Perkataan "مُسْتَهْزِءُونَ" ialah *I.F* dari *fi'l māḍī* "اسْتَهْزَأَ" sebagaimana di dalam ayat

yang lalu. Persoalannya kenapa di dalam ayat ke 15 tidak digunakan lafaz *I.F*

sebagaimana di dalam ayat ke 14 tetapi digunakan lafaz *F.M* "يَسْتَهْزِءُ"

"sedangkan boleh digunakan lafaz yang sama. Jawapannya ialah kerana perbuatan

ejekan atau sendaan (يَسْتَهْزِءُ) berlaku secara berterusan sebagai balasan dari

Allah terhadap mereka dan bala ke atas perbuatan mereka.¹ Seandainya *I.F* menggantikan tempat *F.M* dalam ayat tersebut nescaya ayat itu tetap juga betul dari segi tatabahasa akan tetapi penggunaan *F.M* lebih tepat dan sesuai bagi menunjukkan sesuatu perbuatan itu berlaku secara berubah-ubah. Oleh itu, penggunaan lafaz *I.F* tidaklah sesuai kerana ia hanya menunjukkan kepada perbuatan yang tetap dan berterusan.

Ada juga di kalangan ulama berpendapat bahawa lafaz "يَسْتَهْزِءُ" dalam ayat yang lalu menunjukkan perbuatan itu akan berlaku pada hari kiamat sebagai azab Allah terhadap orang munafik yang mengejek-ngejek orang-orang yang beriman. Sifat mengejek adalah sifat yang tidak layak bagi Allah (maha suci Allah dari sifat yang buruk tersebut). Adapun ucapan orang munafik "إِنَّمَا نَحْنُ"

"مُسْتَهْزِءُونَ" memberi maksud bahawa perbuatan mengejek itu adalah perbuatan

¹ Al-Kassyāf. al-Zamakhshary. 1995. Jilid 1.m.s 75.

yang sering dilakukan oleh mereka dan perbuatan yang tetap dari mereka yang tidak dapat dijauhkan oleh mereka.¹

Dari pendapat di atas menunjukkan penggunaan *I.F* adalah untuk memberi maksud tertentu, iaitu الثُّبُوتُ (tetap) dan الدَّوَامُ (berterusan) manakala *F.M* pula memberi maksud التَّجَدُّدُ (sentiasa diperbaharui). Oleh itu, firman Allah " اللَّهُ

يَسْتَهْزِئُ بِهِمْ" bermaksud Allah sentiasa mengulang-ulang ejekan terhadap mereka dan melambat-lambatkan masanya sampai mereka diazab supaya orang Islam tahu nikmat yang diperolehi oleh orang munafik itu hanyalah tipu daya darinya.²

Dari huraian yang lalu menunjukkan *I.F* dan *F.M* mempunyai hubungan makna walaupun kadang-kadang *I.F* sesuai menggantikan tempat *F.M* atau sebaliknya, namun terdapat makna yang halus dan detail di sebalik penggunaan setiap lafaz *I.F* dan *F.M*. Ini jelas dilihat seperti dalam bab kedua, *I.F* didefinisikan sebagai pola yang menunjukkan sesuatu perbuatan dari pelaku secara tetap dan berterusan, manakala definisi *F.M* ialah kata kerja yang menunjukkan sesuatu perbuatan yang berlaku pada waktu kini dan akan datang. Dari huraian yang lalu pula para ulama menyatakan *F.M* dalam ayat yang lalu memberi maksud berulang-ulang.

Terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa Allah menukarkan lafaz " يَسْتَهْزِئُ " supaya ia tidak sama dengan lafaz yang digunakan oleh orang-

¹ Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir . Ibn 'Asyūr . t.t . jilid 1. m.s 294

² Ibid.

orang munafik, iaitu " مُسْتَهْزِئُونَ ". Lafaz *F.M* itu memberi maksud berulang-ulang dan berterusan yang dikenali sebagai " التَّحَدُّدُ الْإِسْتِمْرَارِي " dan ini lebih memberi kesan dari *I.F* yang dikenali sebagai " الْإِسْتِمْرَارُ الثُّبُونِي " kerana ia berlaku secara berterusan dan tetap. Lafaz *I.F* hanya kata nama sahaja kerana sesuatu bala apabila ia berterusan kadang-kadang menjadi mudah dan menjadi kebiasaan pada diri¹. Sesungguhnya pembalasan dari Allah pada mereka dan ayat-ayat yang turun mengenai perihai mereka adalah suatu perkara yang berulang-ulang dan secara berterusan sebagaimana firman Allah dalam surah al-Taubat : 126 ;

﴿ أَوْ لَا يَرَوْنَ أَنَّهُمْ يُفْتَنُونَ فِي كُلِّ عَامٍ مَرَّةً أَوْ مَرَّتَيْنِ ثُمَّ لَا يَتُوبُونَ وَلَا هُمْ يَذْكُرُونَ ﴾

Ertinya ; "Dan (patutkah)mereka (berdegil) tidak (mahu) memperhatikan bahawa mereka dicuba (dengan berbagai-bagai bencana) pada tiap-tiap tahun sekali atau dua kali, kemudian mereka tidak (juga mahu) bertaubat, dan tidak pula mereka (mahu) beringat (mengambil pengajaran)?."

Dan firman Allah dalam surah al-Taubat: 64 :

﴿ يَحْذَرُ الْمُنَافِقُونَ أَنْ تُنْزَلَ عَلَيْهِمْ سُورَةٌ تُنَبِّئُهُمْ بِمَا فِي قُلُوبِهِمْ ، قُلِ اسْتَهْزِئُوا إِنَّ اللَّهَ مُخْرِجٌ مَا تَحْذَرُونَ ﴾

¹ Tafsir ruh al-ma'aniy. Al-Alusiyy. 1978. jilid 1. m.s 159.

Ertinya ; " Orang-orang munafik itu takut kalau diturunkan satu surah (al-Quran) yang menerangkan kepada mereka (dan kepada ramai) akan apa yang ada di dalam hati-hati mereka (dari kekufuran). Katakanlah (wahai Muhammad): "ejek-ejeklah (seberapa yang kamu suka), sesungguhnya Allah akan mendedahkan apa yang kamu takut (terdedah untuk pengetahuan ramai). "

Al-Alusiyy hanya menambah lafaz " التَّجَدُّدُ الْإِسْمَرَارِيُّ " dalam pandangan beliau mengenai lafaz " يَسْتَهْزِءُ " yang memberikan maksud yang lebih detail dari pandangan al-Zamakhshariyy dan Ibn 'Asyūr mengenai penggunaan *F.M* dalam ayat yang lalu. Begitu juga pandangan Abu Hayyān, beliau telah menambah dalam pandangannya dengan meletakkan istilah " التَّجَدُّدُ " dan " التَّكْرُّرُ " (berulang-ulang) ¹.

Penulis ingin menambah pandangan sendiri di dalam pendapat-pendapat ulama sebelum ini di mana lafaz " مُسْتَهْزِءٌ " dan " يَسْتَهْزِءُ " adalah dari kata akar yang satu, iaitu " اسْتَهْزَأَ ". Allah s.w.t menggunakan lafaz yang berasal dari sumber kata dasar yang sama bagi menunjukkan balasan yang sama di atas sesuatu perbuatan sebagaimana firmanNya dalam surah al-Syūrā : 40 :

¹ Tafsir al-baḥr al-muḥīt. Abū Hayyān al-Andalusīy, t.t. jilid : 1.m.s 70.

﴿ رَجَاءُ سَيِّئَةٍ سَيِّئَةً مِّثْلَهَا ﴾

Ertinya ; *"Dan balasan kejahatan adalah kejahatan seumpamanya"*.

Walaupun balasan yang diterima mereka adalah sama tetapi cara perlaksanaannya berbeza sama ada di dunia atau di akhirat dan sama ada ia berterusan dan sentiasa berubah-ubah tetapi hakikat ejekan dan sendaan itu tetap menjadi balasan pada mereka.

Ibnu 'Abbās r.a berkata ejekan Allah terhadap mereka adalah dengan dibukakan pintu syurga kepada mereka dan apabila mereka tiba lalu ditutupnya dan mereka ditolak ke dalam neraka.¹ Al-Qanujīy berkata ;

"Ejekan Allah kepada mereka adalah membawa maksud (ejekan) yang sentiasa bertukar baru dari masa ke semasa dan ia adalah lebih dahsyat ke atas mereka dan benar-benar menjadi balasan kepada hati-hati mereka dan lebih menyakitkan mereka dari ejekan yang berterusan".²

Di dalam surah yang lain pun Allah menceritakan azab yang setimpal dengan perbuatan orang munafik seperti firmanNya dalam surah al-Nisā' : 142 ;

﴿ إِنَّ الْمُنَافِقِينَ يُخَادِعُونَ اللَّهَ وَهُوَ خَادِعُهُمْ ، وَإِذَا قَامُوا إِلَى الصَّلَاةِ قَامُوا كُسَالَى يُرَاءُونَ ﴾

النَّاسَ وَلَا يَذْكُرُونَ اللَّهَ إِلَّا قَلِيلًا

Ertinya ; *"Sesungguhnya orang-orang munafik itu menipu Allah, dan Allah akan membalas tipuan mereka. Dan apabila berdiri untuk bersolat mereka berdiri*

¹ Tafsir Fath al-Bayān . al-Qanujīy . 1995 . jilid 1 . m.s 96.

² Ibid.

dengan malas. Mereka bermaksud riyā' (dengan solat) di hadapan manusia. Dan tidak mereka menyebut Allah kecuali sedikit sekali".

Di dalam ayat tersebut Allah menggunakan lafaz "خَادِعٌ" sebagai balasan orang - orang munafik, iaitu "يُخَادِعُونَ" iaitu mereka membohongi Allah lalu Allah membohongi mereka. Kedua- dua lafaz tersebut adalah dari kata akar yang sama, iaitu "خُدْعَةٌ". Jadi perbuatan mereka itu akan dibalas oleh Allah dengan setimpalnya. Oleh kerana itu, Allah menggunakan lafaz yang berasal dari kata akar yang sama.

Terdapat suatu hikmah yang besar yang diperolehi daripada al-Quran dalam penggunaan *I.F* dan *F.M* di dalam ayat yang sama. Di dalam al-Quran dinyatakan di dalam surah al-Baqarat : 30 :

➤ وَ إِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلٰٓئِكَةِ اِنِّىْ جَاعِلٌ فِى الْاَرْضِ خَلِیْفَةً قَالُوْۤا اَتَجْعَلُ فِیْهَا مَنْ یُّفْسِدُ فِیْهَا وَّ

یُسْفِكُ الدِّمَآءَ وَ نَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَ نُقَدِّسُ لَكَ ، قَالَ اِنِّىْۤ اَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُوْنَ . ﴿۳۰﴾

Ertinya "Ingatlah ketika tuhanmu berfirman kepada para malaikat ; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka berkata : "Mengapa Engkau hendak menjadikan(khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau ?" Tuhan berfirman : "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui".

"جَاعِلٌ" adalah *I.F* yang menunjukkan perbuatan yang berlaku pada masa yang akan datang. Di dalam ayat tersebut *I.F* menjadi *prediket* kerana menunjukkan kepada makna *thubūt* (tetap) dan bukan *tajaddud* (berubah – ubah) sedikit demi sedikit. Oleh itu diletakkan lafaz *I.F* dalam ayat tersebut kerana Nabi Adam a.s menjadi khalifah hanyalah sekali sahaja. Oleh itu, Allah tidak mengungkapkan dengan lafaz *F.M* ketika menyatakan perantukan Adam a.s sebagai khalifah. Para malaikat pula menjawab pada ayat berikutnya dengan ungkapan *F.M* "تَحْمِلُ" iaitu "Engkau menjadikan" menunjukkan bahawa ciptaan khalifah itu akan terus menerus berlaku dari kalangan manusia.¹

Di dalam ayat berikut jelas menunjukkan bahawa *I.F* memberi maksud suatu perbuatan yang tetap dan berterusan manakala *F.M* perbuatan yang sentiasa berulang - ulang dan berubah-ubah. Di sinilah penulis ingin menyatakan bahawa terdapat banyak ungkapan-ungkapan seperti ini di dalam al-Quran yang mempunyai hikmah dan rahsia yang besar yang perlu dikaji.

Terdapat juga di dalam ayat-ayat yang lain yang menggunakan *I.F* yang menunjukkan perbuatan di masa yang akan datang seperti firman Allah di dalam surah Al-Kahfi ayat 23 dan 24 :

﴿وَلَا تَقُولَنَّ لِشَيْءٍ إِنِّي فَاعِلٌ ذَلِكَ غَدًا ۖ إِلَّا أَن يَشَاءَ اللَّهُ...﴾

Ertinya : "Dan janganlah sekali-kali kamu mengatakan tentang sesuatu :

"Sesungguhnya aku akan mengerjakan itu esok, kecuali dengan

¹ Abū Ḥayyān .jilid 1.m.s 140 .

menyebut Insya' Allah''.

Perkataan *I.F* " فَاعِلٌ " digunakan dalam ayat tersebut dan ia sesuai juga diungkapkan dengan menggunakan *F.M* " أَفْعَلُ " kerana masa yang disebutkan di dalam ayat itu ialah esok, iaitu masa yang akan datang. Menurut ulama ungkapan esok juga bermakna masa yang akan datang sama ada ungkapan itu diucapkan pada ketika itu atau selepas itu sama ada sekejap atau lama.¹

4.3 Penutup

Sebagai kesimpulan dari apa yang telah dibincangkan tadi, Penulis dapat menyimpulkan bahawa *I.F* adalah suatu pola yang digunakan dalam situasi tertentu sebagai alternatif untuk *F.M* tetapi penggunaan di dalam al-Quran adalah berbeza dan mempunyai hikmah serta rahsia yang besar terdapat di sebalik ayat-ayat al-Quran yang diturunkan Allah bagi manusia menyelami makna-maknanya dan benar-benar memahaminya.

¹ Aḥmad Muḥammad al-Ṣāwīy, 1995, jilid 4, m.s 14 dan Faṭḥ al-Qadīr, al-Syaukānīy, 1992, jilid 3, m.s 14.